

HUBUNGAN ANTARA GAYA ASUHAN IBU BAPA DENGAN TINGKAH LAKU DELINKUEN REMAJA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PASIR GUDANG 1, JOHOR

Noor Suhaily Musleh*

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

Suzyliana Mamat

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

*Corresponding Author's Email: *n.suhailymusleyh@gmail.com*

Article history:

Received : 4 Mei 2023

Accepted : 22 Jun 2023

Published : 29 September 2023

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti perkaitan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1, Johor. Teknik persampelan rawak berlapis telah digunakan untuk mengenalpasti 234 orang responden. Instrumen kajian Paulson's perception of parenting style (1994) dan Delinquency scale oleh Junger (1997) telah digunakan bagi melihat hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja. Data yang dikumpul telah diproses secara Statistical Package for Social Sciences (SPSS ver 23). Teknik statistik yang digunakan dalam kajian ini adalah secara peratusan, korelasi Pearson, ujian-t dan Anova bagi menjawab persoalan kajian. Hasil kajian mendapati gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja mempunyai hubungan kolerasi yang rendah, tidak mempunyai perbezaan ketara dari aspek jantina dan tiada perbezaan dari aspek tahap pendidikan ibu bapa.

Kata kunci: Gaya Asuhan Ibu Bapa; Tingkah Laku Delinkuen

THE RELATIONSHIP BETWEEN PARENTING STYLE AND DELINQUENT BEHAVIOUR AMONG STUDENTS IN FORM 4 AND 5 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PASIR GUDANG 1, JOHOR

ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between parenting style and delinquent behaviour among students in form 4 and 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1, Johor. A stratified random sampling technique was used to identify 234 respondents. Research instruments Paulson’s perception of parenting style (1994) and Delinquency scale by Junger (1997) were used to see the relationship between parenting style and delinquent behaviour of teenagers. The collected data was processed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS ver 23). The statistical technique used in this study are percentages, Pearson’s correlation, t-test and Anova to answer the research question. The result of the study found that parenting style with delinquent behaviour of teenagers has a low correlation relationship, there is no significant difference from the aspect of gender and there is no difference from the aspect of parents’ education level.

Keywords: Parenting Style; Delinquent Behaviour

PENGENALAN

Zaman remaja ialah zaman yang penuh dengan perubahan dari segi biologi, kognitif, psikologikal dan sosial yang secara tidak langsung memberikan tuntutan baru kepada kehidupan remaja. Dalam keadaan tertentu, hasil daripada perubahan tersebut akan melahirkan remaja yang sihat dan berwibawa yang dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran dan memperoleh kepuasan dalam kehidupan bersosial. Adapun begitu, perubahan perkembangan tersebut juga mendedahkan remaja kepada pelbagai risiko terhadap kesihatan dan kesejahteraan (Azizi Yahaya, 2005). Jika dilihat dari sudut positif, remaja akan memperoleh intimasi dan kebolehan memainkan peranan dalam aktiviti sosial, berinteraksi dengan orang luar dan akhirnya remaja boleh mencapai tahap kematangan dari segi sosial, kognitif dan emosi. Walau bagaimanapun, interaksi dengan rakan sebaya juga boleh melibatkan diri remaja dalam budaya rakan sebaya dan mempengaruhi dalam menunjukkan tingkah laku bermasalah yang akan menganggu kesihatan diri dan kesejahteraan hidup seperti terlibat dalam perlumbaan haram, merempit, minum arak, vandalism dan seks bebas yang dianggap sebagai perilaku delinkuen.

Berdasarkan pada statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2020 yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2020) menunjukkan berlakunya penurunan dalam tingkah laku bermasalah remaja. Tahun 2016 mencatatkan sebanyak 7825 kes dan meningkat kepada 8188 kes pada tahun 2017. Adapun begitu, berlakunya penurunan kes jenayah juvana dalam kalangan remaja bermula pada tahun 2017 hingga 2020 yang mana masing-masing mencatatkan jumlah 6713

kes pada tahun 2018, 5669 kes pada tahun 2019 dan 1839 kes pada tahun 2020. Jika dilihat dari segi umur, seramai 8713 bagi remaja berusia 13 hingga 15 tahun dan seramai 22, 545 bagi remaja berusia 16 hingga 18 tahun. Selain itu mengikut statistik yang dikeluarkan juga kebanyakannya jenayah juvana yang dilakukan oleh golongan remaja di Malaysia berbangsa melayu di mana telah mencatat jumlah yang paling tinggi berbanding bangsa lain.

Menurut Yustisi (2019), antara penyakit sosial yang banyak berlaku kebelakangan ini ialah kenakalan remaja (*juvenile delinquency*) iaitu perilaku jahat atau kenakalan anak-anak muda. Selain itu, antara kes-kes delinkuen remaja yang berlaku dalam masyarakat ialah penzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah (Hasbullah Mat Daud, 2020). Oleh itu, gejala delinkuen dalam kalangan remaja yang berlaku ini amat penting untuk diberi perhatian serta memerlukan usaha dan sokongan pelbagai pihak bagi membendung tingkah laku delinkuen daripada terus berleluasa.

Gaya Asuhan Ibu Bapa

Gaya asuhan ibu bapa terbahagi kepada tiga jenis, iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif (Boumrind, 1971). Gaya asuhan ini termasuklah bagaimana cara mereka berkomunikasi, memberi didikan, mempraktikkan kawalan, cara memelihara dan cara berinteraksi dengan anak-anak (Abdullah & Ainon, 2000). Ketiga-tiga gaya asuhan ini perlu diketahui oleh ibu bapa agar mereka dapat memilih jenis gaya asuhan yang sesuai diaplikasikan ketika berinteraksi dengan anak-anak. Ibu bapa seharusnya tidak terlalu terikat kepada satu-satu gaya asuhan sahaja, malah sebaliknya mengamalkan pelbagai gaya mengikut keperluan mendisiplinkan anak-anak (Azizi Yahaya, 2017).

Autoritatif lebih bersifat rasional dan demokratik dalam membentuk anak-anak yang berfikiran positif, aktif bersosial, bertanggungjawab dan mempunyai kompeten daripada aspek kognitif (Azizi Yahaya, 2017). Melalui gaya asuhan ini, wujudnya peraturan dan penjelasan supaya suara dan pendapat anak didengari. Anak-anak juga sering dilibatkan dalam proses membuat keputusan dan mengendalikan kegagalan.

Autoritaria pula ibu bapa yang mempunyai sifat kawalan yang tinggi tetapi kurang dalam bertanggungjawab. Mereka fokus kepada disiplin dan peraturan yang banyak tetapi tiada penjelasan kepada peraturan yang diwujudkan. Selain itu, penggunaan denda yang keterlaluan juga sering digunakan oleh ibu bapa jenis ini (Azizi Yahaya & Halimah, 2010). Sebagai contoh, anak-anak akan didenda dan dilabel dengan label yang negatif seperti lembap, bebal dan malas apabila mereka melakukan kesilapan.

Permisif pula merujuk kepada ibu bapa yang mesra dan bertanggungjawab tetapi lemah dalam kawalan dan akan mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung dan mempunyai permintaan yang tinggi (Baumrind, 1971). Apabila membesar, anak-anak cenderung untuk menjadi egoistik dimana merasakan dirinya sentiasa betul dan orang lain perlu mendengar pendapatnya

Tingkah Laku Delinkuen

Delinkuen dinyatakan sebagai tingkah laku yang tidak bermoral atau salah laku yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat yang dilakukan oleh pelajar sekolah menengah (Adib Emir Shafiq, 2019). Selain itu, delinkuen juga merujuk kepada konsep yang berkaitan dengan undang-undang yang didefinisikan mengikut masa dan tempat. Di Malaysia, delinkuensi remaja bermaksud remaja di bawah umur 18 tahun yang menunjukkan tingkah laku bercanggah dengan undang-undang dan boleh dihukum menurut undang-undang (Jas Laile Suzana, 2011). Delinkuensi bukan sahaja melibatkan perbuatan mencuri, membunuh dan merogol, malah turut melibatkan kesalahan ponteng sekolah, lari dari rumah dan aktiviti seks.

Masyarakat pada hari ini lebih gemar memberi label bagi kumpulan ini sebagai samseng, gangster, perogol, kaki ponteng, penagih dadah, homoseksual dan lesbian. Akan tetapi, individu yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai satu kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini merujuk pada mereka yang masih bersekolah atau belia, maka mereka ialah di bawah perilaku delinkuen (Siti Salina Abdullah, 2018). Secara rasionalnya, tingkah laku delinkuen adalah perbuatan yang dikira sebagai kelakuan tidak bermoral, kelakuan bercorak jenayah, perbuatan salah yang tidak dapat diperbetulkan oleh pihak sekolah dan ibu bapa serta penggunaan istilah atau perkataan kesat dan lucah di kawasan orang ramai.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sejak akhir-akhir ini, ramai remaja yang mengalami tekanan emosi akan melepaskan tekanan tersebut dengan pelbagai bentuk tingkah laku bermasalah seperti ponteng sekolah, tingkah laku agresif, seks bebas, mencuri, merogol malah membunuh diri. Kebanyakan remaja sedemikian berasa terasing daripada kehidupan berkeluarga, rakan-rakan dan sekolah. Mereka juga menganggap bahawa tingkah laku bermasalah yang dilakukan merupakan tempat luahan perasaan terasing yang mereka mendapati sukar untuk dikendalikan dengan cara yang betul.

Semenjak berlakunya pandemik COVID-19, masalah tingkah laku delinkuen yang melibatkan pelajar sekolah menunjukkan pengurangan saban hari akibat daripada pembelajaran secara atas talian tanpa melibatkan pertemuan antara pelajar. Masyarakat mengakui kemudahan media sosial semasa pandemik pada hari ini mendatangkan kebaikan kepada pelajar namun wujud juga elemen-elemen negatif yang disebarluaskan melalui kecanggihan teknologi serta kebebasan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja yang boleh menjadi penyumbang kepada peningkatan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam generasi muda. Contohnya, buli siber, menonton video lucah dan penipuan atas talian. Kebanyakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ke atas tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja banyak berdasarkan tentang hubungan gaya asuhan ibu bapa dan kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah mengenai hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih tiada lagi kajian dibuat

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang telah dibina oleh pengkaji adalah:

- i. Mengenalpasti hubungan signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dan tingkah delinkuen dalam kalangan remaja.
- ii. Mengenalpasti perbezaan signifikan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan jantina.
- iii. Mengenalpasti perbezaan signifikan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan tahap pendidikan.

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian yang telah dibina oleh pengkaji ialah:

- i. Terdapat hubungan signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja.
- ii. Terdapat perbezaan signifikan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan jantina.
- iii. Terdapat perbezaan signifikan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan tahap Pendidikan.

KAJIAN LEPAS

Jonel Mark (2020) menjalankan kajian tahap domain gaya keibubapaan yang paling baik dan keagressifan dalam tingkah laku delinkuen pesalah juvana serta menentukan hubungan antara gaya keibubapaan dan tingkah laku agressif pesalah delinkuen juvana. Hasil hipotesis kajian dalam mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan dan tingkah laku agressif pesalah juvana menunjukkan hubungan berkorelasi. Ini bermakna, gaya asuhan keibubapaan memberi pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku agressif anak-anak. Gaya keibubapaan yang buruk juga akan mempengaruhi kenakalan anak-anak serta memberi kesan terhadap kawalan diri yang rendah dan sikap agressif. Ini jelas bahawa ibu bapa adalah tonggak asas dalam masyarakat yang mewujudkan persekitaran pertama di mana anak-anak membesar.

Ruoshan Xiang (2020) pula menjalankan satu kajian longitudinal keibubapaan berwibawa, delinkuen juvana dan mangsa jenayah dalam kalangan remaja Cina. Keputusan kajian berdasarkan hipotesis pertama menunjukkan keibubapaan autoritatif mempunyai hubungan negatif terhadap delinkuen juvana. Hipotesis kedua pula keibubapaan autoritatif menunjukkan hubungan negatif terhadap penganiayaan jenayah. Hipotesis kajian ini secara tidak langsung berhubungkait dengan masalah kesihatan mental remaja dan pergaulan rakan sebaya yang delinkuen sebagai pengaruh keibubapaan autoritatif terhadap delinkuen dan penganiayaan jenayah. Hasil dapatan menyatakan bahawa keibubapaan autoritatif berpotensi tinggi mempengaruhi remaja terdedah kepada penganiayaan jenayah. Meskipun ibu bapa yang autoritatif bersifat rasional dan bertanggungjawab terhadap anak-anak, namun mereka juga cenderung berfikiran positif jika anak-anak terdedah dengan pengaruh rakan sebaya yang mebawa kepada masalah tingkah laku delinkuen dan membahayakan kesihatan mental.

Muhammad Syawal dan Norhida (2020) pula menjalankan kajian penyiasatan terhadap hubungan gaya keibubapaan dan tingkahlaku delinkuen pesalah juvana menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual. Kajian ini bertujuan melihat pengaruh gaya keibubapaan autoritarian, autoritatif dan permisif terhadap tingkahlaku delinkuen juvana. Hasil kajian terhadap 187 orang pelajar menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan gaya keibubapaan autoritarian dengan tingkahlaku delinkuen pelajar berbanding gaya keibubapaan autoritatif dan permisif. Ini bermaksud, ibu bapa yang mengawal dan menyekat kebebasan anak-anak juga memberi impak kepada berlakunya tingkahlaku delinkuen. Selain itu, kajian juga mendapati tingkahlaku anti-sosial antara tingkahlaku agressif yang sering dilakukan oleh pesalah juvana berbandig verbal, fizikal dan seksual. Seperti membawa motor tanpa lesen, tidak memakai topi keledar, merokok, penagihan dadah dan pengambilan pil *ecstacy* dan *hallucinogens*.

Fatin Adha Murad et al (2020) mengkaji hubungan kesukaran meregulasi emosi dan tingkahlaku dalam kalangan remaja berdasarkan perapatan kepada komuniti sebagai perantara terhadap 114 orang remaja warganegara Malaysia yang berumur 13 hingga 16 tahun. Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengaruh perapatan kepada komuniti sebagai perantara antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkahlaku delinkuen. Hipotesis kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perapatan komuniti dengan tingkahlaku delinkuen. Namun terdapat hubungan yang positif antara kesukaran meregulasi emosi dengan tingkahlaku delinkuen. Hasil kajian menyatakan, remaja yang membesar dalam kejelekitan kejiranian yang tinggi akan mengurangkan risiko remaja terlibat dalam tingkahlaku delinkuen. Manakala, kesukaran dalam meregulasi emosi berkait rapat dengan tingkahlaku delinkuen sekiranya wujud hubungan perapatan komuniti yang longgar.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik bagi mengenalpasti hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja. Kajian yang dilakukan ini mempunyai kelebihan di mana menjimatkan masa dan kos kerana data dikumpulkan dalam tempoh yang singkat dan data tersebut dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik menggunakan kaedah *google form*.

Populasi Dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan populasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1. Jumlah keseluruhan populasi pelajar tingkatan 4 dan 5 adalah seramai 600 orang pelajar yang terdiri dari kalangan pelajar lelaki dan perempuan serta pelbagai bangsa Melayu, Cina dan India. Sampel sasaran dalam kajian yang dijalankan adalah seramai 234 orang pelajar yang terdiri daripada tujuh kelas pelajar tingkatan empat dan lima yang menetap di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1, Johor. Sampel kajian pula dipilih kerana pengkaji ingin melihat hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkahlaku delinkuen remaja. Segala maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis mengikut prosedur yang ditetapkan. Kaedah persampelan rawak berlapis digunakan dalam proses pengumpulan responden kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah berkaitan dengan hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen pelajar. Setiap data yang diperolehi akan disusun dan dianalisis bagi menjawab persolan dalam kajian ini. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga iaitu bahagian A latar belakang responden, bahagian B soal selidik gaya asuhan ibu bapa dan bahagian C soal selidik tingkah laku delinkuen.

Bahagian A akan menyediakan soal selidik yang berbentuk demografi. Bahagian ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkenaan latar belakang responden kajian. Antara maklumat yang disediakan di dalam bahagian demografi ini adalah umur, jantina, tahap pendidikan dan tahap pendapatan ibu bapa. Maklumat ini juga diperolehi adalah bagi memudahkan pengkaji untuk melihat perbezaan yang wujud dalam diri setiap responden kajian.

Bahagian B ialah soal selidik *Paulson's perception of parenting scale* (PPP) yang dicipta oleh Paulson (1994) bagi melihat corak gaya asuhan ibu bapa responden kajian iaitu gaya autoritarian, gaya autoritatif dan gaya pemisif. Soal selidik ini mengandungi 20 soalan dan terdiri daripada tiga kategori sub-skala gaya asuhan ibu bapa iaitu gaya asuhan authoritarian, gaya asuhan autoritatif dan gaya asuhan pemisif yang akan mempengaruhi tingkah laku sosial remaja. Item-item dalam soal selidik ini juga bersifat positif dan negatif. 5 daripada item soal selidik ini adalah bersifat positif dan 15 item selebihnya adalah bersifat negatif.

Soal selidik *Delinquency scale* yang dicipta oleh Junger (1997) telah digunakan di bahagian C dan ianya bertujuan untuk mengukur kekerapan tingkah laku devian responden kajian. Soal selidik ini mengandungi 40 item yang akan menumpukan kepada empat bahagian kelangsangan iaitu fizikal, verbal, seksual dan anti-sosial.

DAPATAN KAJIAN

Hipotesis 1: Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja

Jadual 1: Korelasi Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa dengan Tingkah Laku Delinkuen

Pembolehubah	Gaya asuhan ibu bapa
Tingkah laku delinkuen	.224
k<.05	

Berdasarkan Jadual 1, keputusan menunjukkan hubungan signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen. Analisis ini telah menunjukkan nilai pekali kolerasi ialah $r = .224$ yang diuji pada aras keyakinan iaitu .05. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih kecil daripada aras keyakinan iaitu .001 ($k < .05$). Oleh itu, keputusan hipotesis telah menunjukkan terdapat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja tingkat

empat dan tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1 [r (234) = .224, $k < .05$]. Maka, hipotesis pertama bagi kajian ini diterima.

Hipotesis 2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan jantina

Jadual 2: Ujian-T antara Tingkah Laku Delinkuen berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	t	Df	Signifikan
Lelaki	116	51.0114			
Perempuan	118	47.4322	3.347	232	.009

Berdasarkan Jadual 2 di atas, keputusan menunjukkan bahawa nilai min bagi lelaki iaitu 51.0114 ($SP=9.52668$) lebih tinggi berbanding perempuan 47.4322 dengan sisihan piawai 6.59353. Seterusnya, keputusan di atas juga menunjukkan bahawa nilai t dalam data tersebut ialah 3.347 yang diuji pada aras keyakinan iaitu .05. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih kecil dari aras keyakinan iaitu .009 ($k < .05$). Oleh itu, keputusan tersebut telah menunjukkan terdapat perbezaan tingkah laku delinkuen berdasarkan jantina [t (232) = 3.347, $k < .05$]. Maka, hipotesis ini diterima.

Hipotesis 3: Terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa

Jadual 3: Anova antara Tingkah Laku Delinkuen berdasarkan Tahap Pendidikan

Item	Ss	Df	Ms	f	Sig
Antara kumpulan	94.429	68	1.389		
Dalam kumpulan	170.734	165	1.035	1.342	.067
Jumlah	265.162	233			

Berdasarkan Jadual 3 di atas, menunjukkan bahawa nilai f dalam data tersebut ialah 1.342 yang diuji pada aras keyakinan iaitu .05. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih besar daripada aras keyakinan iaitu .067 ($k > .05$). Oleh itu, keputusan tersebut telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa [f (233) = 1.342, $k > .05$]. Maka hipotesis ini ditolak.

PERBINCANGAN

Berdasarkan hipotesis pertama yang telah diperolehi, pengkaji mendapati bahawa terdapat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen

remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1. Hasil kajian ini didapati selari dengan kajian yang dijalankan oleh Wan Ning Bao et al (2017).

Hasil kajian mendapati bahawa semua gaya asuhan ibu bapa kecuali dari segi pemantauan secara tidak langsung mempengaruhi tingkah laku delinkuen sama ada melalui proses kawalan sosial atau pembelajaran sosial. Hasil kajian ini juga menunjukkan gaya asuhan autoritarian mempunyai kesan keseluruhan yang lebih besar berbanding gaya asuhan autoritatif dan permisif. Ia juga satu-satunya gaya asuhan yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada golongan remaja. Ini bermakna tingkah laku delinkuen akan lebih mudah tercetus dalam kalangan remaja sekiranya ibu bapa mengamalkan sikap paksaan tanpa campur tangan dalam membuat keputusan dan membina hubungan dengan anak-anak. Oleh itu, hubungan dengan anak-anak yang hanya dilihat dengan status darah daging dan bukan kepada kemesraan tidak seharusnya ditunjukkan oleh ibu bapa.

Kemudian, berdasarkan hasil hipotesis dua menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan jantina. Dapatkan ini juga mendapati bahawa pelajar lelaki lebih cenderung untuk bertingkah laku delinkuen berbanding pelajar perempuan. Keadaan ini memberi gambaran jelas tentang kadar penglibatan pelajar lelaki dalam masalah sosial dan masalah disiplin sekolah semakin serius. Dapatkan ini selari dengan rumusan kajian yang dijalankan oleh Fauziah Ibrahim et al (2017) menunjukkan tingkah laku sosial seperti masalah hubungan rakan sebaya, tingkah laku prososial dan gangguan tingkah laku secara realitinya lebih tinggi di kalangan lelaki berbanding perempuan yang lebih cenderung kepada mengalami masalah emosi.

Berdasarkan hipotesis terakhir, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku delinkuen berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa. Hal ini kerana, ibu bapa pada masa kini sudah tidak lagi menjadi model utama di dalam sesebuah keluarga yang lazimnya menjadi ikutan kepada anak-anak mereka dalam membentuk jati diri. Dapatkan kajian ini juga didapati bertentangan dengan hasil kajian Zakiyah et al yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen. Ini kerana pendidikan ibu bapa turut mempengaruhi tingkah laku delinkuen remaja dan semakin tinggi pendidikan ibu bapa maka semakin rendah berlakunya tingkah laku delinkuen.

CADANGAN

Pengkaji mencadangkan bagi kajian akan datang untuk melihat perubahan tingkah laku delinkuen remaja selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di antara dua jenis sekolah yang berbeza iaitu sekolah menengah harian dan sekolah berasrama penuh. Ini kerana, penerimaan yang berbeza-beza daripada pelbagai sekolah terhadap pandemik Covid 19 samada dari aspek perubahan peraturan sekolah atau etika pelajar. Melalui cadangan ini juga dapat memberi impak yang lebih meluas serta memberangsangkan kepada pihak sekolah dalam mengatasi masalah delinkuen.

Selain itu, pengkaji ingin mencadangkan agar pengkaji-pengkaji pada masa hadapan membuat satu kajian berkaitan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja yang menfokuskan aspek keagamaan sebagai isu utama. Ekoran

daripada pandemik Covid 19, kebanyakan ibu bapa sudah mula memupuk penghayatan agama dalam diri anak-anak ketika di rumah. Adapun begitu, keberkesanan penekanan didikan agama kepada anak-anak juga boleh terjejas apabila mereka kembali bergaul dengan rakan sebaya dan terdedah dengan kejutan budaya. Cadangan ini dapat membuka mata ibu bapa dan masyarakat akan pentingnya memberikan perhatian penuh dalam memperkuatkkan didikan agama serta membentuk sahsiah baik dalam diri remaja bermula daripada perigkat awal lagi.

Seterusnya, kajian mengenai gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) wajar diteruskan lagi oleh pengkaji-pengkaji akan datang. Ini kerana, pelbagai norma baharu yang telah diadaptasi setiap pelajar ekoran daripada pandemik Covid 19 termasuklah dari segi perubahan tingkah laku pelajar ketika di rumah, personaliti, cara belajar dan pergaulan dengan rakan. Dapatkan kajian ini juga boleh digunakan pengkaji akan datang untuk membuat perbezaan dan perbandingan hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja sebelum dan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hasilnya dapat membantu pelbagai pihak untuk membuat sesuatu perubahan yang baharu dalam sistem pendidikan anak-anak di rumah atau di sekolah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa golongan remaja mempunyai kecenderungan untuk bertingkah laku delinkuen apabila berada di sekolah. Majoriti pelajar sekolah dalam kajian ini terlibat dengan tingkah laku delinkuen yang kurang serius seperti tidak menyiapkan tugas dan melepak di pusat membeli belah. Ini berdasarkan dapatkan kajian yang memperolehi hubungan positif rendah antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen.

Perkembangan remaja dari segi fizikal, mental dan emosi menyebabkan wujudnya sikap keghairahan untuk mencuba sesuatu dan inginkan kebebasan dalam setiap perkara yang dilakukan. Hal ini sedikit sebanyak akan meningkatkan kadar delinkuen kepada kesalahan yang lebih serius. Walaubagaimanapun, kesalahan remaja dalam berperilaku delinkuen tidak harus ditundung kepada sebelah pihak sahaja, malah semua pihak mahupun diri sendiri, ibu bapa, sekolah, media massa, rakan sebaya dan masyarakat perlu berganding bahu bersama-sama berusaha membentuk akhlak mulia dan tingkah laku remaja masa kini.

Akhir sekali, pengkaji berharap agar hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada semua pihak bahawa tingkah laku remaja yang baik atau buruk sedikit sebanyak dipengaruhi oleh orang sekeliling yang dekat dengan mereka terutama ahli keluarga, rakan sebaya dan masyarakat. Oleh itu, kita perlulah berhati-hati dalam setiap langkah yang diambil seperti perbuatan, pertuturan, pemakaian, bahasa yang sopan dan pergaulan apabila berhadapan dengan golongan remaja pada masa kini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2000). Psikologi Asuhan Keluarga. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Adib Emir Syafiq Bin Sharifudin, Atikah Binti Osman & Zuria Mahmud (2019). Tingkah laku Delinkuen Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya & Halimah Ma'Alip (2010). Estim Kendiri Remaja, Edisi Pertama. Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi Yahaya & Sidek Latif (2005). Membentuk Identiti Remaja. Bentong, Pahang. PTS Publication& Distributors
- Baumrind D. (1971). Current Pattern of Parental Authority. Development Psychology Monograph 4 Fatin Adha Murad, Mohammad Rahim Kamaluddin & Norruzeyati Che Mohd Nasir (2020). HubunganKesukaran Meregulasi Emosi dan Tingkahlaku Delinkuen Dalam Kalangan Remaja: Perapatan Kepada Komuniti Sebagai Perantara. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fauziah Ibrahim, Juliana Rosmidah Jaafar, Sheau Tsuey Chong, Denise Koh Choon Lian (2017) Perbandingan Tingkah laku sosial Berdasarkan Gender Antara Generasi Muda Tinggal di kawasan Terpinggir dan Arus Perdana di Malaysia, *Jurnal Psikologi Malaysia* 31 (2) (2017): 1-11 ISSN-2289-8174, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
- Hasbullah Mad Daud, Ahmad Yusiff & Fakhru1 Adabi Abdul Kadir (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Science and Humanities*
- Jas Laile Suzana Jaafar (2011). Psikologi Remaja dan Masalah-Masalah Psikososial. Pearson Malaysia Sdn.Bhd Selangor, Darul Ehsan
- Jonel Mark Daligdig Sarno (2020). Parenting Style and Agrssion of Juvenile Delinquents in Digos City. *International Journal of Legal Studies*. Southern Philippines Agri-Business and Marine and Aquatic School of technology
- Muhammad syawal Amran & Norhida Anor Basri (2020). Investigating The Relationship Between Parenting Style and Juvenile Delinquent Behaviour. *Journal of Education research*. University kebangsaan Malaysia
- Ruoshan Xiong, Spencer De Li & Yiwei Xia (2020). A Longitudinal Study of Authoritative Parenting, Juvenile Delinquency and Crime Victimization Among Chinese Adolescents. *International Journal of Environmental Research andPublic Health*. University of Macau China
- Siti Salina Abdullah, Raba'Aton Adawiah Mohd Yusof & Ruhani Mat Min (2018) Penggunaan Terapi kognitif Tingkah laku dalam Kaunseling Kelompok Remaja Delinkuen, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Nerus
- Statistik Penglibatan dan Tanggapan Juvana Dalam Jenayah Indeks Malaysia (2016-2020). Polis Diraja
- Malaysia (PDRM). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. <https://www.ydata.iyres.gov.my>
- Wan Ning-Bao, Ain Haas & Ling Tao (2017). Impact of Chinese Parenting of Adolescent's, Social Bonding, Affiliation with Delinquent Peers and Delinquent Behaviour. *Asian Criminology*

Yustisi Maharani Syahadat (2019). Perilaku Khas Kenakalan Remaja (Juvenile Delinquency) Pada Siswa Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Kesihatan Mercusuar*

Zakiyah Jamaluddin & Ismail Kiprawi (2009) Ikatan dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens, Universiti Utara Malaysia